

21/09/1998

Cabaran terhadap Mahathir tindakan terdesak

BUKIT JALIL, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabarnya supaya meletakkan jawatan Perdana Menteri, sebagai perbuatan orang yang terdesak.

"Dalam keadaan terdesak dia memang akan membuat pelbagai cadangan. Saya faham perasaannya. Dia tidak boleh menyingkirkan saya, jadi dia meminta saya meletak jawatan.

"Memang logik baginya untuk meminta saya meletak jawatan," katanya kepada kira 40 wartawan tempatan dan luar negara yang menghadiri sidang akhbar selepas lawatannya ke Pusat Akhbar Utama bagi Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI di Hotel Mint di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta Anwar membuktikan pelbagai tuduhan yang dibuatnya termasuk kononnya wujud konspirasi tertinggi membabitkan Dr Mahathir untuk menjatuhkan beliau.

Semalam, Anwar menafikan pernah meliwat rakannya, Dr Munawar Ahmad Anees dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasnitaat Madja yang mengaku bersalah melakukan perbuatan itu, di Mahkamah Sesyen di sini.

Dalam penafiannya, Anwar turut menyifatkan cara penahanan, penyiasatan dan tuduhan terhadap adik angkat dan rakannya itu sebagai gaya Gestapo ala-Mahathir.

"Buktikan. Ini adalah tuduhan yang akan dibuat Anwar. Dia akan menuduh semua satu juta orang dalam jentera kerajaan terbabit dalam konspirasi untuk menjatuhkan dia.

"Jadi terserah kepada orang ramai sama ada untuk percayakan dia atau percaya kepada satu juta orang yang bekerja dalam kerajaan," tegas Dr Mahathir.

Menurut beliau, hakikatnya ialah setakat ini kerajaan masih tidak menahan Anwar bagi memberi peluang kepadanya menjelaskan kepada orang ramai mengapa dia dipecat daripada Kabinet dan Umno.

"Ramai orang tertanya-tanya, di sini orang yang sebelum ini menjadi pemimpin kedua paling kanan dalam kerajaan dituduh ... mereka sudah pasti ingin mendengar apa yang ingin diperkatakan.

"Ramai orang tertanya-tanya, wartawan juga tertanya-tanya. Saya tidak fikir anda penyokong dia (Anwar) tetapi saya pasti anda akan pergi dan ingin mendengar penjelasannya," katanya apabila ditanya sama ada beliau bimbang dengan sokongan yang diberi orang ramai kepada Anwar sekarang.

Perdana Menteri, berkata beliau tidak bimbang dengan perhimpunan yang dilakukan Anwar, tetapi hairan mengapa Anwar memberitahu dunia bahawa beliau akan ditangkap dan dilarang berbuat itu dan ini, sedangkan hakikatnya adalah sebaliknya.

"Apabila di dalam kerajaan dia membantah orang membuat perhimpunan haram, tetapi sekarang dia di luar kerajaan dia fikir dia mempunyai kelebihan untuk mengadakan perhimpunan yang tidak mematuhi undang-undang," katanya sambil menyerahkan kepada polis sama ada untuk menghalang perhimpunan Anwar.

Menurutnya, Anwar bukanlah pemimpin politik pertama yang pernah ditangkap, sebaliknya beberapa ahli politik negara termasuk Ketua Menteri dan Ahli Parlimen juga pernah dihadapkan ke mahkamah, tetapi 'tiada siapa perasan'.

Menjawab soalan wartawan asing berhubung tempoh Anwar akan dipenjara jika dihukum, Dr Mahathir dengan tegas menjawab:

"Saya tidak gembira dengan keadaan sekarang. Bukan sifat saya untuk

membesarkan kesalahan orang, terutama kesilapan berpunca daripada dirinya sendiri.

"Saya sebenarnya berharap dia tidak melakukan ini, dia sepatutnya mengganti saya dan semuanya berjalan lancar.

"Tetapi perkara ini dilemparkan ke muka saya pada ketika yang paling genting, apabila saya terpaksa menghadapi masalah ekonomi, kedatangan Sukom dan Apec (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik) dan sudah tentu dengan anda semua hadir untuk menyaksikan ini semua. Saya tidak gembira tetapi ia berlaku."

(END)